

25 JUL 1999

Fadzil-Pilihan raya

PAS CABAR PERDANA MENTERI UMUMKAN TARIKH PILIHAN RAYA

ALOR GAJAH, 25 Julai (Bernama) -- PAS mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengumumkan tarikh pilihan raya awal, sebagaimana amalan negara demokrasi lain, dan bukan di saat-saat akhir, kata Presiden PAS Datuk Dr Fadzil Noor.

"Negara-negara demokrasi lain bila nak (hendak) pilihan raya, enam bulan lagi dah umum, setahun lagi dah umum...Dr Mahathir tak berani umum tarikh pilihan raya (sedemikian) ," katanya ketika berucap pada majlis ceramah PAS di Sungai Putat, dekat sini malam tadi.

Menurut Fadzil adalah wajar Dr Mahathir mengumumkan awal tarikh pilihan raya bagi memberikan keadilan kepada semua parti yang akan bertanding, bersedia menghadapi pilihan raya.

" Ini nak umum tarikh pilihan raya, (bila) esok nak bubar Parlimen ... lepas tu (suruh) buat kempen pendek, tujuh hari saja kempen. Dia (kerajaan boleh) menggunakan televisyen, menggunakan semua kemudahan, manakah adilnya,?" tanya beliau.

Fadzil berkata tidak adil juga bagi parti pembangkang yang telah dinafikan hak menggunakan televisyen pada kempen pilihan raya sebagaimana yang diumumkan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob baru-baru ini.

Mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa pilihan raya akan diadakan bila PAS sudah letih, beliau menegaskan bahawa PAS tidak akan letih untuk menghadapi Umno sehingga tibanya pilihan raya.

Fadzil turut mendakwa bahawa PAS kini telah melalui perubahan cukup besar dan hebat kerana dianggotai pelbagai lapisan masyarakat terutama golongan profesional.

" Di kawasan Parlimen Hulu Langat, Selangor sahaja, PAS dianggotai seramai 1,000 orang profesional dalam bidang kejuruteraan, belum lagi di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata tahap keberanian rakyat, tekad serta keazaman mereka kini akan membawa perubahan baru pada pilihan raya akan datang.

"Kita berharap rakyat tidak akan takut lagi diugut, digemparkan oleh pemimpin Umno dan BN (Barisan Nasional)," katanya.

-- BERNAMA

NO RON